
PRIVACY NOTICE

EXPORT IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD (“**EXIM Bank**”) processes Personal Data provided by you and/or a service provider engaged by **EXIM Bank** as a participant in any of **EXIM Bank**’s events. In line with Personal Data Protection Act PDPA 2010 (“**PDPA**”), **EXIM Bank** values your privacy and strives to protect personal information of individuals which it processes.

A. Sources and types of Personal Data

EXIM Bank obtains your information from:

- the forms (physical and / or electronic) and supporting documents that you have or may be required to fill / submit;
- from your communications with **EXIM Bank** through various methods such as emails, social media and letters, telephone calls and conversations you have with **EXIM Bank** personnel and/or our authorised agents; and
- from the public domain and third parties such as other organisations which you are or were a part of, statutory bodies, or government agencies, medical institutions and insurance provider, credit bureaus or agencies which provide credit or other information.

which includes but is not limited to the following:

- your identity (including your name, NRIC / passport number);
- your contact information (including your telephone number, email, address and fax number);
- your employment details (including your occupation, employer’s details, your position / designation); and
- your professional membership information (including your membership number, designation).

B. Purpose of processing

We process your Personal Data for the following purposes:

- to register you as a participant in our events or programs;
- if requested, to assist with your lodging, transportation and such other activities;
- to respond to your enquiries and/or complaints;
- to produce data, reports and statistics which have been anonymised or aggregated in a manner that does not identify you as an individual;
- contact and communications purposes;
- general administrative and management purposes; and
- for all other purposes in relation or incidental to the above.

Your information is necessary to us. Unless otherwise stated, all information requested by **EXIM Bank** is obligatory. If you do not provide and / or allow us to process all the obligatory information as requested, we will not be able to keep complete information about you, thus affecting our ability to accomplish the above stated purposes.

C. Consent

When your consent is required to process, including to collect, use, record, store and retain your Personal Data, you consent for **EXIM Bank** to do so in accordance with this Privacy Notice by signing the acknowledgement of this notice, unless otherwise informed by you in writing to **EXIM Bank**.

EXIM Bank may process your Personal Data without your consent in circumstances permitted by law.

Where you have consented, we will use your personal information to communicate with you on promotions, events and any value-added services:

- related to [our [other] products and/or services];
- from [us and/or our group of companies]; and
- about Third Party services and/or products which we feel may be of interest to you.

If you do not wish your personal information to be utilised for such communications, or if you would like to change your mind on a previous consent you have given on this, please contact us at +603-2601 2000. Your latest written instructions to us will prevail.

D. Sensitive information

By signing the acknowledgement of this notice, you give us your explicit consent to process your sensitive Personal Data such as your mental or physical health and condition, religious beliefs and misconducts (if any) for the purposes described above or as required by law.

We may also obtain your sensitive personal information from other parties when it is allowed by law.

E. Disclosure of your information

EXIM Bank may disclose your Personal Data to the following parties (including those overseas):

- agents, contractors, vendors and service providers (including but not limited to professional, financial and / or payment service providers) that provide services including data processing services relating to the purposes above;
- your agents and advisors (including but not limited to professional advisers) and any other person notified by and authorised by you;
- any person, who is under a duty of confidentiality who has undertaken the responsibility to keep such data confidential;
- **EXIM Bank's** related and associated companies and affiliates; and
- other parties, in respect of whom you have consented to the disclosure of your Personal Data.

We may also disclose your Personal Data (within and outside Malaysia) in good faith, (i) to comply with requirements of the government, law enforcement agency, any authorities to whom **EXIM Bank** is subject to or any orders of court; (ii) as is necessary or relevant in relation to any legal process; or (iii) if required or authorised by law.

F. Updating and accuracy of Personal Data

When you provide your Personal Data to **EXIM Bank**, you undertake that all such information provided are accurate and up-to date. If there are any changes to your Personal Data or if you believe that the

Personal Data we have about you is inaccurate, incomplete, misleading or not up to date, please contact us so that we may take steps to update your personal data.

G. Your Rights on Your Personal Data

You have the right to request details of all personal data held by **EXIM Bank**, correct or update your personal data by submitting a duly completed Data Access Request Form or Data Correction Request Form. Please contact us through the following channels so that we may take steps to address your request on your Personal Data.

Address : *Corporate Communication Department,
EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur*

Telephone : +603-2601 2000 (General Line)

Email : communications@exim.com.my

H. Retention Period

EXIM Bank will keep your Personal Data for as long as necessary to fulfil the purposes and reasonably require for which it was agreed for processes or to meet any legal and/or regulatory requirements. Your Personal Data will be permanently disposed once it is no longer required for purposes it was collected.

I. Transfer of Personal Data Outside Malaysia

EXIM Bank may transfer your personal data to any place outside Malaysia if the place:

- a) has in force any law which is substantially similar to the Malaysian PDPA; or
- b) ensures an adequate level of protection in relation to the processing of Personal Data which is at least equivalent to the level of protection afforded by the Malaysian PDPA.

J. Revision to Privacy Notice

This Privacy Notice may be revised from time to time and notice of such revision shall be posted on our website and/or other means of communication deemed suitable by **EXIM Bank**.

NOTIS PRIVASI

EXPORT IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD (“EXIM Bank”) memproses data peribadi yang diberikan oleh anda dan / atau pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh **EXIM Bank** sebagai peserta acara yang dikendalikan oleh **EXIM Bank**. Sesuai dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”), **EXIM Bank** menghargai privasi anda dan berusaha untuk melindungi maklumat peribadi individu yang diproses

A. Sumber dan jenis data peribadi

EXIM Bank memperoleh maklumat anda dari:

- borang (fizikal dan / atau elektronik) dan dokumen sokongan yang anda telah isi / kemukakan atau mungkin dikehendaki untuk diisi / kemukakan;
- dari komunikasi anda dengan **EXIM Bank** melalui pelbagai kaedah seperti e-mel, media sosial dan surat, panggilan telefon dan perbualan anda dengan kakitangan **EXIM Bank** dan / atau ejen kami yang diberi kuasa; dan
- domain awam dan pihak ketiga seperti agensi perekrutan, portal pekerjaan dalam talian, rujukan anda, majikan semasa / bekas, badan undang-undang, atau agensi kerajaan, institusi perubatan, agensi kredit atau agen yang menyediakan maklumat kredit atau lain-lain.

yang termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat-maklumat berikut:

- pengenalan anda (termasuk nama, nombor kad pengenalan / pasport);
- maklumat perhubungan anda (termasuk nombor telefon, e-mel, alamat dan nombor faks);
- maklumat pekerjaan anda (termasuk maklumat majikan anda, jawatan anda); dan
- maklumat Persatuan Profesional (termasuk nombor persatuan, pangkat).

B. Tujuan Pemprosesan

Kami memproses data peribadi anda bagi tujuan –tujuan yang berikut:

- untuk mendaftarkan anda sebagai peserta dalam acara-acara atau program kami;
- jika diminta, untuk membantu dengan penginapan anda, pengangkutan dan aktiviti lain;
- untuk menjawab sebarang pertanyaan dan aduan;
- untuk menghasilkan data, laporan dan statistik yang telah diaggregat dengan cara yang tidak mengenal pasti anda sebagai seorang individu;
- untuk tujuan hubungan dan komunikasi;
- bagi tujuan pentadbiran dan pengurusan am; dan
- untuk semua tujuan lain yang berkaitan atau yang bersampingan dengan di atas.

Kami memerlukan maklumat anda. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua maklumat yang diminta oleh **EXIM Bank** adalah wajib. Jika anda tidak memberikan semua maklumat yang wajib seperti yang diminta, kami tidak akan dapat menyimpan rekod maklumat anda yang lengkap, dan ia akan menjejaskan keupayaan kami untuk mencapai tujuan yang dinyatakan di atas.

C. Persetujuan

Apabila persetujuan anda diperlukan untuk memproses, termasuk untuk mengumpul, menggunakan, merekod, menyimpan dan mengekalkan data peribadi anda, dengan menandatangani bahagian pengesahan notis ini anda bersetuju untuk **EXIM Bank** berbuat demikian mengikut Notis Perlindungan Data Peribadi ini, melainkan jika dimaklumkan sebaliknya oleh anda secara bertulis kepada **EXIM Bank**.

EXIM Bank boleh memproses data peribadi anda tanpa persetujuan anda dalam hal keadaan yang dibenarkan oleh undang-undang.

Di mana anda telah bersetuju, kami juga akan menggunakan maklumat peribadi anda untuk berkomunikasi dengan anda tentang promosi, acara dan apa-apa perkhidmatan bernilai tambah:

- berkaitan dengan [mana produk dan / atau perkhidmatan kami];
- dari [syarikat-syarikat yang berkaitan dengan EXIM Bank]; dan
- mengenai perkhidmatan pihak ketiga dan / atau produk yang kami rasa mungkin menarik minat anda.

Jika anda tidak mahu maklumat peribadi anda digunakan untuk komunikasi tersebut, atau jika anda menukar fikiran anda pada persetujuan yang anda telah berikan mengenai perkara ini, sila hubungi kami di +603-2601 2000. Arahan bertulis anda yang terbaru akan terpakai.

D. Maklumat-maklumat sensitif

Dengan menandatangani bahagian pengesahan notis ini, anda memberikan kami persetujuan nyata anda untuk kami memproses data peribadi sensitif anda seperti kesihatan mental atau fizikal anda, kepercayaan agama anda dan pelakuan apa-apa kesalahan (jika ada) bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas atau seperti yang diperlukan oleh undang-undang.

Kami juga mungkin akan memperolehi maklumat sensitif anda daripada pihak-pihak lain apabila ia dibenarkan di bawah undang-undang.

E. Penzahiran maklumat anda

EXIM Bank mungkin menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak berikut (termasuk di luar negara):

- ejen-ejen, kontraktor, vendor dan pembekal-pembekal perkhidmatan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal perkhidmatan profesional / kewangan dan / atau pembayaran) yang menyediakan perkhidmatan termasuk perkhidmatan-perkhidmatan pemprosesan data yang berkaitan dengan tujuan di atas;
- ejen-ejen dan penasihat anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat professional) dan mana-mana pihak yang dimaklumkan oleh dan diberi kuasa oleh anda;
- biro kredit atau agensi yang memberikan dan mengumpul maklumat kredit dan maklumat-maklumat lain;
- agensi kerajaan / badan berkanun / pihak berkuasa;
- mana-mana orang, badan-badan atau agensi-agensi selaras dengan atau seperti yang dikehendaki bagi tujuan perniagaan **EXIM Bank** (contohnya: pendedahan kepada pelanggan / rakan niaga atau bakal pelanggan / rakan niaga, notari awam / kedutaan / konsulat;
- persatuan yang berkaitan dengan keahlian professional anda;

- pemegang serah hak kami atau pemegang serah hak yang berpotensi, pengambilalih atau bakal pengambilalih dan pengganti hak milik;
- mana-mana entiti di bawah kewajipan kerahsiaan yang telah mengaku janji untuk memastikan data tersebut dirahsiakan;
- syarikat-syarikat yang berkaitan dan bersekutu dengan **EXIM Bank**; dan
- pihak-pihak lain yang mana anda telah memberi persetujuan untuk menzahirkan data peribadi anda.

Kami juga mungkin akan mendedahkan data peribadi anda (di dalam dan di luar Malaysia) dengan tujuan baik, (i) untuk mematuhi keperluan kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang, mana-mana pihak berkuasa yang mana **EXIM Bank** adalah tertakluk kepada atau perintah mahkamah; (ii) adalah perlu atau berkenaan dengan mana-mana proses undang-undang; atau (iii) jika dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang.

F. Pengemaskinian dan ketepatan Data Peribadi

Apabila anda memberi Data Peribadi anda kepada **EXIM Bank**, anda mengakukan janji bahawa segala maklumat yang diberikan adalah tepat dan terkini. Jika terdapat apa-apa perubahan kepada Data Peribadi anda atau jika anda percaya bahawa Data Peribadi anda di dalam rekod kami adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini, sila hubungi kami supaya kami boleh mengambil langkah-langkah untuk mengemaskini data peribadi anda.

G. Hak Anda Terhadap Data Peribadi Anda

Anda berhak untuk mengakses butiran semua data peribadi yang dikendalikan oleh **EXIM Bank**, membetulkan atau mengemas kini Data Peribadi anda dengan menghantar Borang Permintaan Akses Data atau Borang Permintaan Pembetulan Data yang diisi dengan lengkap. Sila hubungi kami melalui saluran berikut supaya kami boleh mengambil langkah-langkah untuk menangani permintaan anda mengenai Data Peribadi anda.

Address : *Jabatan Komunikasi Korporat,
EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur*

Telephone : +603-2601 2000 (Talian Am)

Email : communications@exim.com.my

H. Tempoh Pengekalan

EXIM Bank akan menyimpan Data Peribadi anda selagi diperlukan untuk memenuhi tujuan dan keperluan yang munasabah yang telah disepakati untuk pemprosesan atau untuk memenuhi apa-apa keperluan undang-undang dan/atau peraturan. Data Peribadi anda akan disingkirkan secara kekal apabila ia tidak lagi diperlukan untuk tujuan yang dikumpulkan.

I. Pemindahan Data Peribadi Di Luar Malaysia

EXIM Bank boleh memindahkan data peribadi anda ke mana-mana tempat di luar Malaysia jika tempat tersebut:

- a) mempunyai mana-mana undang-undang yang secara substansial serupa dengan PDPA Malaysia; atau
- b) menjamin tahap perlindungan yang mencukupi sehubungan dengan pemprosesan Data Peribadi yang sekurang-kurangnya setanding dengan tahap pertahanan yang disediakan oleh PDPA Malaysia.

J. Penyelarasan kepada Notis Privasi

Notis Privasi ini boleh diubahsuai dari masa ke masa dan notis pengubahsuaian sedemikian akan dipaparkan di laman web kami dan / atau cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh **EXIM Bank**.

*Saya mengakui dan bersetuju bahawa saya telah membaca dan memahami Notis Privasi ini, dan saya dengan ini memberikan Persetujuan saya kepada **EXIM Bank** untuk memproses Data Peribadi saya dan terikat oleh Notis Privasi ini.*

*I hereby acknowledge and agree that I have read and understood this Privacy Notice, and I hereby give my Consent to **EXIM Bank** to process my Personal Data and to be bound by this Privacy Notice.*

() I would like to and consent to receive (via email / SMS / post) information on marketing, promotional and value-added services including campaigns, contests and market research and surveys, from **EXIM Bank** and/or from **EXIM Bank's** related and associated companies and affiliates and/or from companies / third parties selected by **EXIM Bank** and I consent for **EXIM Bank** to share my Personal Data with such companies for such purposes.

() Saya ingin dan memberikan kebenaran untuk menerima (melalui emel / SMS / pos) maklumat mengenai pemasaran, promosi, dan perkhidmatan bernilai tambah termasuk kempen, pertandingan dan penyelidikan serta tinjauan pasaran, dari **EXIM Bank** dan/atau daripada syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dengan **EXIM Bank** dan/atau daripada syarikat-syarikat / pihak ketiga yang dipilih oleh **EXIM Bank** dan saya memberi kebenaran kepada **EXIM Bank** untuk berkongsi Data Peribadi saya dengan syarikat-syarikat tersebut untuk tujuan tersebut.

Name : _____
IC : _____
Signature : _____
Date : _____
Position : _____